

# MCA masalah Barisan Nasional

UM 18 AUG 1985

UM 19 AUG 1985

**K**UALA LUMPUR 18 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini bahawa krisis MCA bukan lagi menjadi krisis dalam parti itu sendiri sahaja tetapi sekarang merupakan satu masalah Barisan Nasional yang mahukan MCA

teguh dan bersatu padu untuk menghadapi pilihanraya kebangsaan akan datang.

Perdana Menteri memberitahu satu perhimpunan hampir 2,000 orang pemimpin UMNO dan agensi - agensi penerangan bahawa UMNO tidak akan campur tangan dalam krisis MCA itu, tetapi sebaliknya akan menyerahkan kepada ahli - ahli parti

itu sendiri untuk menentukan pemangku presidennya yang sebenar.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Sri Saiful Juid, memberitahu satu sidang akhbar selepas perjumpaan hampir tiga jam itu bahawa pengerusi Barisan Nasional itu juga yakin MCA akan menggunakan tempoh selama tiga bulan yang mereka minta, untuk menyelesaikan krisis itu dan terus kekal sebagai parti komponen dalam Barisan Nasional.

## MCA MASALAH BARISAN NASIONAL

UM 9 AUG 1985

Datuk Sri Sanusi berkata, perjumpaan itu yang dihadiri oleh Ketua - ketua UMNO bahagian, ketua - ketua Pemuda dan Wanita bahagian dari seluruh negara serta pegawai - pegawai KEMAS, penerangan khas dan Biro Tatanegara, telah mengemukakan hampir 30 soalan kepada Perdana Menteri yang hampir kesemuanya berkisar kepada masalah MCA.

Kebanyakan daripada mereka, kata beliau, melahirkan rasa bimbang krisis MCA itu boleh menjejaskan persiapan Barisan Nasional untuk menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri menjelaskan bahawa Barisan Nasional mahukan MCA teguh dan bersatu padu diterima oleh semua pihak untuk mewakili masyarakat keturunan Cina.

Kata Datuk Sri Sanusi, terdapat juga pertanyaan yang ingin mengetahui sama ada UMNO mengiktiraf Datuk Neo Yee Pan atau Datuk Mak Hon Kam sebagai pemangku presiden MCA di mana Perdana Menteri memberitahu: "Pihaknya menyerahkan kepada ahli - ahli MCA menentukannya, UMNO tidak akan campur tangan."

Menjawab soalan para pemberita sama ada pilihanraya umum akan diadakan tidak lama lagi sekiranya dalam tempoh tiga bulan, MCA dapat menyelesaikan krisis mereka, Datuk Sri Sanusi berkata, walaupun sekiranya krisis tersebut telah dapat diselesaikan, tetapi jangka masa untuk menyusun semula parti tersebut

khususnya mengubat luka luka ahli - ahlinya akan memerlukan masa.

Bagaimanapun, kata beliau, ini semua terserah kepada ahli - ahli MCA sendiri untuk menentukannya, sama ada mereka memerlukan masa yang lama untuk memulihkan semula parti mereka atau hanya mengambil masa yang singkat sahaja.

Ketika ditanya sama ada Perdana Menteri menyebut tentang tarikh pilihanraya, Datuk Sri Sanusi berkata, setakat ini perkara itu belum difikirkan lagi.

Menjawab pertanyaan sama ada terdapat para perwakilan yang mendesak supaya MCA dipecah dari Barisan Nasional, Setiausaha Agung UMNO itu berkata, Datuk Sri Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO dan Barisan Nasional menegaskan kepada mereka bahawa pihaknya yakin MCA dapat menyelesaikan krisis tanpa melibatkan sebarang tindakan keras.

Bagaimanapun, kata Datuk Sri Sanusi, tidak ada para perwakilan yang mempertikaikan keputusan Perdana Menteri menamatkan tempoh perkhidmatan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr. Neo Yee Pan dan seterusnya membenarkan MCA me-

nylesaikan krisis mereka dalam tempoh tiga bulan.

Dalam perjumpaan itu Perdana Menteri juga telah menghuraikan perkembangan politik semasa dan meminta pegawai - pegawai penerangan dapat menjelaskan kepada rakyat jelata maklumat - maklumat sebenar.

Katanya, dengan adanya perjumpaan seperti ini, datilah Perdana Menteri berdialog dengan pegawai - pegawai penerangan dan segala khabar angin yang tersebar akan dapat dijelaskan kepada masyarakat.

Datuk Sri Sanusi berkata, Datuk Sri Dr. Mahathir juga telah menjelaskan secara ringkas mengenai keadaan ekonomi negara dan

masalah kerajaan untuk memenuhi tuntutan gaji CUEPACS.

Selain daripada itu, Perdana Menteri turut menyetujui tentang anggapan ahli - ahli UMNO yang berharap mereka memperoleh 'sesuatu' sekiranya menjawat kedudukan penting dalam UMNO dan oleh itu sanggup berbelanja dengan mewah semata - mata untuk mengejar kedudukan.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mahukan ahli - ahli UMNO 'mencampakkan ke dalam bakul sampah' surat - surat layang yang mereka terima kerana ia bertujuan untuk melaga - lagakan pemimpin - pemimpin UMNO.